

Kayuhan amal kutip dana Palestin

MELAKA TENGAH: Program Kayuhan Amal Anak Merdeka 1Malaysia (TRANS 1MALAYSIA) yang disertai 100 peserta berbasikal berlepas dari sini, pagi semalam, dengan sasaran mengutip dana RM20,000 bagi mengisi Tabung Palestin.

Majlis pelepasan disempurnakan Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Wira Idris Haron di Pusat Kecemerlangan Koreksional Malaysia, Tanjung Kling, dekat sini.

Daerah ini adalah lokasi kedua persinggahan, selepas Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Batu Pahat, kelmarin.

Pelancaran program ini diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai pada 5 Februari lalu, sebelum diteruskan ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dan Kuala Selangor, Selangor selain Lumut, Perak dan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

Ia kemudian diteruskan ke Pusat Kokurikulum Kota Sarang Semut, Kedah dan berakhir di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Perlis pada 13 Februari ini. Jarak keseluruhan perjalanan bagi kayuhan ini sejauh 1,014 kilometer.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni) UTM, Datuk Profesor Dr Mohd Tajudin Ninggal, berkata program ini di anjurkan Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Perdana UTM dan Belia 4B Johor dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi.



IDRIS (kanan) melepaskan peserta program TRANS 1MALAYSIA di Pusat Kecemerlangan Koreksional Malaysia, Tanjung Kling, semalam.

Katanya, selain pelajar UTM dan alumni universiti berkenaan, program itu turut disertai Belia 4B, pelajar UniMAP, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

“Kita menyasarkan kutipan RM20,000 sepanjang program ini berlangsung. Kutipan yang terkumpul akan diserahkan kepada sebuah badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Aqsa Syarif Berhad yang kemudian menyalurkannya kepada penduduk Palestin,” katanya.

Hadir sama, Presiden Majlis Gabungan Belia Melaka, Zali Mat Yasin dan Pengarah Program, Mohd Amirul Abdullah Johari.

● MUHAMMAD HATIM AB MANAN | BERITA HARIAN

Dalam pada itu, Mohd Tajudin berkata, program itu akan meneruskan perjalanan sejauh 65 kilometer menuju ke Rumah Kanak-kanak Rembau, Negeri Sembilan sebelum menyambung semula kayuhan menuju ke UKM, Bangi sejauh 82 kilometer.

Katanya, penyerahan Tabung Palestin kepada pihak Aqsa Syarif Berhad bakal dilaksanakan pada 13 Februari ini pada Majlis Makan Malam Perdana bersama peserta TRANS 1MALAYSIA di UniMAP dan dijangka turut dihadiri Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu.